



## UMP raih 11 pingat dan 2 Anugerah Khas di i-ENVEX 2014

Berita dan foto oleh: ABD. RAHMAN AHMAD

Mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengharumkan nama universiti apabila meraih lima pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa dalam pameran produk penyelidikan dalam Pameran Antarabangsa Reka Cipta dan Inovasi kali ke-5 (i-ENVEX) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Pauh pada 13 April 2014 yang lalu.

Lebih membanggakan UMP turut

dianugerahkan dua anugerah khas apabila pelajar dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST), iaitu Yap Sook Sin meraih pingat emas menerusi projek bertajuk "Get Rid of Roaches: Affordable, Effective and Natural Repellent" yang menghasilkan semburan dan krem dari campuran minyak halia dan minyak selasih bagi menghalang kehadiran lipas.

Selain menang pingat emas, projek penyelidikan ini turut memikat hati juri apabila diiktiraf menerima anugerah khas *International Warsaw Invention Show Special Award, Poland*.

Begitu juga dengan Alicia Ng Yit Hui yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang berjaya memenangi pingat emas menerusi projek "Eco-friendly Bioadhesive using Soy Isolate and Lignin for Wood Composite Industry" yang menjalankan kajian pelekat menggunakan protein soya isolate dan lignin.

Menurut Alicia, kajian ini dapat menggantikan pelekat *formaldehid* berasaskan dari komposit industri kayu. "Pelepasan *formaldehid* boleh menyebabkan kanser dan kajian mendapati kos yang dihasilkan agak murah dan mampu meningkatkan hasil eksport negara Malaysia," katanya.

Beliau turut memenangi MOSTI Grand Prize Award serta membawa pulang wang tunai bernilai dua ribu ringgit.

Manakala tiga mahasiswa yang menerima pingat emas termasuklah Nisyanthia A/P

Puspakaran dari FKKSA dengan projek "Influence of Solvent Polarity and Temperature On Stability of Phenolic Compounds from *Orthosiphon Stamineus*", Essam A. Makky dan Mehdi Qasin Zayer dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) dengan tajuk "Productions Nanostructureds Layers of Photonic Devices".

UMP turut membawa pulang tiga pingat perak hasil penyelidikan Nurul Asmawati Roslan dan Chan Kar Min dari FKKSA serta Mohamad Afiq Abdullah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Pemenang pingat gangsa adalah Keshwan Raj A/L Chandra dan Noor Adilah Md Salehan(FKKSA) serta Syifak Izhar Hisham (FSKPP).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim melahirkan perasaan bangga dengan pencapaian mahasiswa yang terus mencipta kejayaan dalam bidang penyelidikan dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Katanya, usaha ini dapat meningkatkan budaya inovasi dan reka cipta dalam kalangan mahasiswa lain terutamanya mahasiswa tahun akhir.

Pameran i-ENVEX dianjurkan Kelab Penyelidik Muda UniMap (EYRec) dengan disertai lebih 20 buah negara dan 400 hasil produk penyelidikan. Pertandingan bertujuan melahirkan penyelidik muda yang kreatif dan berinovasi dalam kalangan mahasiswa universiti serta pelajar sekolah seluruh negara.